

**Puteri Akan Sentiasa Jadi Jurucakap, Hamba, Jaguh Rakyat - Rosnah Bernama
30 November, 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Ketua Pergerakan Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata sayap itu akan sentiasa menjadi jurucakap, jentera dan jaguh rakyat walaupun tidak terpilih menjadi wakil rakyat.

Beliau berkata program yang dianjurkan Puteri juga tidak akan hanya menumpukan kepada anggota pergerakan semata-mata, tetapi memberi manfaat kepada seluruh anggota masyarakat.

"Kita akan turun padang dan tak akan tunggu rakyat datang mengadu masalah, tetapi kita yang akan turun kepada rakyat untuk mencari, mendengar dan menyelesaikan masalah mereka," katanya dalam ucapan penangguhan Perhimpunan Puteri Umno 2011, di sini hari Rabu.

Terdahulu, seramai 13 ketua dan naib ketua Puteri bahagian membahaskan usul sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan agama.

Rosnah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata pergerakan itu perlu melipatgandakan usaha terutama bagi program yang melibatkan generasi muda.

"Kita kena bekerja 200 peratus kerana kita mahu semua peti undi di bawah seliaan Puteri akan penuh dengan undi Barisan Nasional," katanya.

Mengenai isu pendidikan, beliau berkata Puteri mahu pendekatan berorientasikan peperiksaan dikendurkan supaya pembangunan bakat dan sahsiah pelajar dapat berkembang dengan seimbang.

"Puteri juga ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan sebuah 'Talent Centre' untuk setiap komuniti sebagai tempat mengasah bakat pelajar sekolah dalam bidang muzik, pengucapan awam, komputer dan sukan," katanya.

Rosnah berkata pergerakan yang mempunyai 365,108 anggota itu menentang sekeras-kerasnya penganjuran Seksualiti Merdeka 2011 yang dilihat mencabar kesucian agama, sentiviti budaya dan asas-asas kewujudan manusia.

"Ini semua adalah permulaan kepada sebuah kehancuran dan kemurkaan tuhan walaupun berselindung di sebalik perjuangan hak asasi manusia. Cuma pesan saya, dalam mendepani isu seperti ini, Puteri perlu matang dan tidak perlu mengikut emosi," katanya.

Seksualiti Merdeka 2011 yang diadakan baru-baru ini bertujuan menjadi platform kepada usaha menghalalkan budaya seks bebas dan songsang di negara ini khusus buat golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) dengan mengajak kelompok itu tampil berkongsi pandangan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=630960>